

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 8 Ogos 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

JUN 2023

Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 23.8 peratus pada Jun 2023

PUTRAJAYA, 8 Ogos 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Jun 2023**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 23.8 peratus pada bulan Jun 2023 (29,867 tan metrik) berbanding pada bulan Mei 2023 (24,126 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan penurunan 3.9 peratus (Jun 2022: 31,083 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Jun 2023 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (85.9%) berbanding sektor estet (14.1%).

Jumlah stok getah asli pada Jun 2023 menurun 5.4 peratus kepada 159,742 tan metrik berbanding 168,806 tan metrik pada Mei 2023. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 88.8 peratus diikuti kilang pengguna getah (11.1%) dan estet getah (0.2%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 48,857 tan metrik pada Jun 2023 meningkat 31.8 peratus berbanding Mei 2023 (37,062 tan metrik). China terus kekal sebagai

destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 50.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Jun 2023 diikuti Jerman (7.8%), Amerika Syarikat (4.9%), Pakistan (3.1%) dan Iran (2.5%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM0.9 billion pada Jun 2023, menurun 5.0 peratus berbanding Mei 2023 (RM1.0 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 1.8 peratus (Jun 2023: 497.70 sen sekilogram; Mei 2023: 488.76 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat 0.8 peratus (Jun 2023: 481.91 sen sekilogram; Mei 2023: 478.02 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 0.4 peratus hingga 1.8 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 2.3 peratus (daripada USD 1.35/kg kepada USD1.32/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 1.5 peratus (daripada USD1.56/kg kepada USD1.53/kg).

Prestasi suku kedua 2023 menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 7.6 peratus kepada 77,453 tan metrik berbanding 83,848 tan metrik pada suku pertama 2023. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku kedua 2023 pula mencatatkan peningkatan 3.8 peratus berbanding suku kedua 2022 (74,635 tan metrik).

Menurut laporan *Malaysia Rubber Board Digest* pada Jun 2023, sentimen positif pasaran getah Kuala Lumpur didorong oleh beberapa faktor termasuk peningkatan keyakinan terhadap tambahan rangsangan pemulihan ekonomi di China, pengumuman semakan oleh Bank Dunia mengenai pertumbuhan global bagi tahun 2023 serta peningkatan jualan kenderaan di China.


DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data.


OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.


Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Jun 2022 dan Mei - Jun 2023
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Pengeluaran getah asli Suku Tahunan 2022/2023
(‘000 tan metrik)



**Carta 3: Import dan eksport bagi getah asli Jun 2022 dan Mei - Jun 2023
(‘000 tan metrik)**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 OGOS 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 8th August 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
JUNE 2023

Malaysia natural rubber production
increased by 23.8 per cent in June 2023

PUTRAJAYA, 8 August 2023 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, June 2023**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production increased by 23.8 per cent in June 2023 (29,867 tonnes) as compared to May 2023 (24,126 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 3.9 per cent (June 2022: 31,083 tonnes). Production of NR in June 2023 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (85.9%) as compared to estates sector (14.1%).

Total stocks of NR in June 2023 decreased by 5.4 per cent to 159,742 tonnes as compared to 168,806 tonnes in May 2023. Rubber processors factory contributed 88.8 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (11.1%) and rubber estates (0.2%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 48,857 tonnes in June 2023, increased 31.8 per cent as against May 2023 (37,062 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 50.6 per cent of total exports in June 2023 followed by Germany (7.8%), U.S.A (4.9%), Pakistan (3.1%) and Iran (2.5%). The exports

performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM0.9 billion in June 2023, a decrease of 5.0 per cent as compared to May 2023 (RM1.0 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 1.8 per cent (June 2023: 497.70 sen per kg; May 2023: 488.76 sen per kg) while Scrap increased by 0.8 per cent (June 2023: 481.91 sen per kg; May 2023: 478.02 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) increased between 0.4 per cent to 1.8 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has decreased 2.3 per cent (from USD1.35/kg to USD1.32/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 1.5 per cent (from USD1.56/kg to USD1.53/kg).

The performance of the second quarter of 2023 showed natural rubber production decreased by 7.6 per cent to 77,453 tonnes as compared to 83,848 tonnes in the first quarter of 2023. The annual performance of Malaysia's natural rubber production in the second quarter of 2023 recorded an increase of 3.8 per cent as compared to 2022 (74,635 tonnes).

According to the Malaysia Rubber Board Digest in June 2023, the positive sentiment of Kuala Lumpur rubber market was boosted by several factors which include of growing optimism for China's additional stimulus to sustain their economic recovery, announcement by the World Bank's upbeat revision on global growth for 2023 as well as improved vehicle sales in China.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber June 2022 and May - June 2023
(‘000 tonnes)






Chart 2: Natural Rubber Production Quarterly 2022/2023
(‘000 tonnes)



**Chart 3: Imports and exports of natural rubber June 2022 and May - June 2023
('000 tonnes)**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 August 2023**